

KITAB JAWI SEBAGAI ASAS TAMADUN MELAYU ISLAM

(*'KITAB JAWI' AS THE BASIS OF THE MALAY-ISLAM CIVILIZATION*)

**Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim,
Siti Maimunah Hj. Kahal, Muhamad Sayuti Mansor,
Ab Halim Ismail, Huzaimeah Ismail,
Muhammad Ikhlas Rosele & Ahnaf Wafi Alias**

Abstrak

Kejayaan dan kegemilangan yang telah berjaya dicapai oleh rantau Alam Melayu terutamanya di bawah kepimpinan kerajaan Islam memang tidak dapat dinafikan sehingga telah berjaya membina sebuah tamadun Melayu-Islam yang tersendiri. Kedatangan serta proses penyebaran ajaran Islam di rantau ini telah menjadi titik tolak kepada kemajuan, perkembangan serta penyatuan tamadun Melayu-Islam. Namun begitu, apakah kekuatan yang dimiliki oleh ajaran Islam tersebut sehingga dapat menjadi asas kepada pembentukan sebuah tamadun Melayu-Islam tersebut. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti sumbangan kitab Jawi sebagai salah satu komponen utama yang dijadikan panduan oleh pemerintah serta masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam dalam membina asas kepada pembentukan sebuah tamadun yang gilang gemilang di rantau ini. Kajian ini akan memfokuskan terhadap elemen-elemen penting yang terdapat dalam kitab Jawi tersebut sebagai korpus ilmu dalam membangunkan *world-view* serta pemikiran saintifik, ilmiah serta rasional dalam minda masyarakat Melayu yang telah sekian lama dibelenggu oleh gejala mistik, tahayul dan pemikiran berbentuk feudalisme. Oleh itu, hasil kajian ini mendapatkan bahawa kitab Jawi sememangnya boleh dianggap sebagai asas penting dalam pembinaan sebuah tamadun Melayu-Islam di rantau ini.

Kata Kunci: Kitab Jawi, Tamadun Melayu-Islam, Budaya Ilmu.

Abstract

The glory and success achieved by the Malay World region, especially under the leadership of the Muslim Sultanate, is undeniable until it has succeeded in building a distinct Malay-Islam civilization. The arrival and process of propagating Islamic teachings in the region has been a turning point for the progress, development and consolidation of Malay-Islam civilization. However, what is the secrets that lie behind the Islamic teachings so that it can be the basis for the formation of this civilization. Thus, this study was conducted to identify the contribution of the 'kitab Jawi' (Jawi books) as one of the main guideline to the ruler and the Malay community after the advent of Islam in building the foundation for the formation of a glorious civilization in the region. This study will focus on the essential elements contained in the kitab Jawi as a corpus of knowledge in developing world-view as well as scientific and rational thinking in the minds of the Malay community which have been long been plagued by mystical, superstitious and feudal-minded phenomena. Thus, this study

found out that the kitab Jawi can indeed be regarded as an important foundation in the construction of a Malay-Islamic civilization in this region.

Keywords: *Kitab Jawi (Jawi books), Malay-Islam civilization, culture of knowledge.*

PENGENALAN

Kajian ini sengaja memberikan tiga kenyataan yang diberikan oleh sarjana Barat memerihalkan tentang masyarakat Alam Melayu. Ia terdiri daripada;

"Five centuries ago, Malacca hosted 2,000 ships each day, as many as the crowd in the modern-day Singapore, which boasts of being one of the world's three busiest ports. Cargoes of mace, nutmeg, cloves, sandalwood, tea, porcelains and silks passed through Malacca on their way to Europe. From the islands of the Archipelago... came camphor, birds' nests, pepper, musk, gold and ivory. And from the West, mostly carried by traders from South Asia and the Middle East, came cotton, weapons, incense, opium, dyes, silver and medicinal drugs, as well as occasional bands of adventurous Portuguese... It was a place where Gujratis, Tamils and Bengalis from India lived and traded in secure harmony with Malays, Chinese and Arabs... A city of 100,000 people where 84 languages could be heard in the markets. The Malay sultans who ruled Malacca ensured that the strait was free of pirates. Goods could be stored safely in hundreds of well-guarded godowns, and in case of disputes, the city's law were administered fairly to both Malaccans and foreigners" (Elegant, S. 1999: 45).

Jorange de Lamos (1585), pentadbir Portugis di Asia, memperkatakan tentang Aceh dan Alam Melayu;

"Sumatra is such a wonderful thing, and contains such great riches, that I dare to affirm (according to what many experienced old men related, whom I overheard when they were conversing with the viceroy of India) that it could well be considered as the equal of England, of which the scriptures speak so highly." The conquest of Atjeh would give the Spanish-Portuguese Crown the economic resources where with to destroy not only 'the Heresiarchs and their followers', but to recover all Christian territory lost to the Muslims (including Jerusalem), and to overthrow the Ottoman Empire" (C.R. Boxer 1969: 424).

"Their language, Bahasa Melayuas a language understood everywhere and by everyone, just as French or Latin in Europeto such an extent that, knowing that language, one never will be at a loss, because it is used and understood ... as far as the Philippines. Moreover, if you do not understand this language, you are considered a very badly educated man in the East.....At present the Malayan language has come into vogue; and most of them speak it and avail themselves of it throughout the whole region where it is like Latin in Europe" (Collins, James T. 1998: 22 & 23).

William Marsden seorang Paderi Kristian yang telah mengkaji Bahasa Melayu dan menulis kamus dan tatabahasa Bahasa Melayu, menegaskan bahawa:

"The Malayan language prevails throughout a very extensive portion of what is vaguely termed as the East Indies including the Malayan peninsula, together with the islands of Sumatra, Java, Borneo, Celebes and innumerable others, as far as to the eastward as the Moluccas, to the southward as the island of Timor, and to the northward as the Phillipines, formally collectively (called) the Malayan Archipelago...the Malayan language is generally employed... as the medium of commercial and foreign intercourse, and every person of whatever nation, who frequents a port of trade must negotiate his business in this tongue, either speaking himself or employing an interpreter. From hence it is that, by comparison with a similar prevalence of a dialect of Italian or Catolonian along the shores of the Mediterranean, it has commonly received the appellation of the lingua franca of the East" (Hashim Musa 2014: 2).

Daripada keempat kenyataan orang luar di atas, kita dapat mengetahui bagaimana tamadun dalam Melayu agak holistik kerana kemajuannya membabitkan 3 aspek utama; kekuatan sistem pentadbiran masyarakat, ekonomi, bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca dan ilmu. Pada dasarnya dalam kajian ketamadunan ketiga aspek saling berkaitan antara sama lain yang berpunca daripada faktor Islam.

Teori Peradaban Yang Dikemukakan Oleh Pakar

Kita boleh mengemukakan pandangan Ibn Khaldun yang menegaskan bahawa agama yang bertanggungjawab melahirkan tamadun manusia. Tamadun adalah fenomena urban yang melahirkan semua bentuk kemajuan fizikal dan intelektual demi untuk kesejahteraan masyarakat. Tambahnya lagi usia tamadun seperti usia manusia yang melalui tempoh muda, remaja dan tua (jatuh) (Saleh Faghizadeh 2004: 15-118).

Bagi Wan Mohd Nor Wan Daud, ilmu yang bertanggungjawab membangunkan tamadun dunia. Tegasnya lagi, tamadun terhasil daripada pengamalan budaya ilmu. Ia terdiri daripada beberapa perkara seperti setiap kegiatan hidup dibuat berdasarkan pertimbangan ilmu, pencarian ilmu lebih diutamakan melebihi pencarian harta, pencarian ilmu seumur hidup. Baginya, tamadun yang tidak dibina atas dasar ilmu akan menjadi rapuh seperti istana pasir yang akan musnah apabila dilanda ombak (Wan Mohd Nor Wan Daud 1990: 51-67). Dalam perkembangan semasa kita boleh melihat bahawa pembangunan di negara Teluk kebanyakannya bergantung hanya kepada usaha orang Barat. Semua konsep, pendekatan dan teknologi Barat akan diterima bulat-bulat oleh pemerintah negara Teluk. Manakala kalangan rakyatnya hanya menikmatinya tanpa turut sama terlibat membangunkan teknologi ilmu sendiri. Dijangka tamadun tempelan seperti ini tidak akan kekal lama.

PERSOALAN UTAMA YANG INGIN DIJAWAB DALAM KAJIAN INI

Terdapat beberapa soalan yang ditanya oleh sarjana peradaban, iaitu:

1. Bagaimana Islam tersebar di alam Melayu tanpa menumpahkan darah dan cukup berkesan sekali? (Rahimin Affandi Abd. Rahim 2015: 1- 25).
2. Apakah faktor yang menyebabkan tamadun Melayu dapat membangun dan bertahan lama?

JAWAPAN KEPADA PERSOALAN

Kita dapat mengemukakan beberapa jawapan untuk persoalan di atas.

Faktor Bantuan Allah Kerana Keikhlasan Dakwah

Kejayaan dakwah mubaligh awal di Alam Melayu merupakan hasil bantuan dan inayah Allah kepada masyarakat Alam Melayu. Ianya juga yang menyebabkan pembangunan tamadun ilmu Alam Melayu berjaya dilakukan. Faktor terbesar adalah kerana keikhlasan mubaligh awal dan taktik dakwah yang berkesan. Untuk memperjelaskan keadaan ini kita boleh melihat kenyataan yang diberikan oleh A.H. John yang mengkaji kitab jawi di alam Melayu;

“The authors of Kitab Jawi were writing not for themselves but for the enlightenment and training of students. The aims were to simplify and to explain not to dazzle with intellectual precocity. We can learn much about the Islamic principles emphasized in these writings and study which commentaries and glosses were used as supports, but it is difficult to make assessments about the intellectual achievements of the Kitab Jawi authors from their works” (A.H. John 1984: 138).

Sarjana Barat dalam mengkaji tamadun tidak akan mengambil kira faktor bantuan Allah sedangkan menurut Mutahhari sejarah manusia berlaku kerana campur tangan dan bantuan Allah.

Faktor gerakan Dakwah Yang berterusan

Secara kronologinya, proses dakwah di Alam Melayu telah berjalan dalam tiga era yang berbeza. Ia sesuai dengan teori yang dibawa oleh Syed Naqib Al-Attas yang menegaskan perkembangan Islam di Alam Melayu terbahagi kepada 3 zaman; (S.M. Naquib al-Attas 1969: 29-30).

1. Era tahun 1200-1400: era penerimaan Islam secara luaran semata. (*Nominal conversion*) Nilai-nilai pra Islam seperti feudal masih kuat dipegang oleh masyarakat Melayu.
2. Era tahun 1400-1700: era kegembiran Islam dengan berkembangnya sistem pendidikan Islam dan lahirnya kitab Jawi. Islam menjadi elemen terpenting masyarakat Melayu.
3. Era 1700-2000: era kemunduran tamadun Islam dengan penjajahan kuasa Barat.

Jelas kelihatannya di sini bahawa program dakwah berjalan secara berterusan. Selepas mubaligh awal memperkenalkan ajaran Islam, generasi ulama kedua yang terdiri daripada anak Melayu sendiri memupuk dan memperkasakan lagi ajaran Islam (Rahimin Affandi Abdul Rahim 2003: 158-179).

Penetapan Asas Akidah Dan World-View Tauhid

Hasil kajian terhadap sejumlah besar kitab Jawi yang dikenali ramai, kita dapat mengesan asas akidah tauhid yang diterapkan di Alam Melayu pada zaman era 1200-1400. Antaranya;

Ia menanamkan kefahaman asas bahawa Islam perlu menggunakan 3 domain utama dalam kehidupan; kognitif (pemikiran), afektif (membentuk sikap) dan psikomotor (kemahiran yang terhasil). Islam harus difahami, diimani dan diamalkan dalam kehidupan. Paling utama, Islam memerlukan peranan kuasa politik untuk tujuan fungsional pelaksanaan hukum Islam dalam kehidupan masyarakat. Buktinya boleh dilihat kepada artifik Batu Bersurat di Terengganu (Rahimin Affandi Abd. Rahim 2010), yang mencatatkan peranan fungsional kerajaan diperlukan sejak awal di Alam Melayu.(Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Noor & Nor Adina Abdul Kadir 2011: 17-30).

Islam juga harus diamalkan berdasarkan kepada *world-view* dan falsafah kehidupan Islam sejati;

1. *Falsafah Tauhid*: perbezaan yang jelas di antara Tuhan dengan makhluk. Tuhan adalah Tuhan dan ianya berbeza daripada makhluk di mana makhluk dalam apa bentuk sekalipun bukannya jelmaan daripada Tuhan yang harus ditakuti. Alam dan makhluk adalah ciptaan Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak, di mana kedua-duanya hanya tunduk dan mentaati Allah SWT semata-mata. Perbuatan syirik kepada Allah SWT tidak dibenarkan sama sekali, kerana ianya mengakibatkan kezaliman yang amat besar dan tidak akan diampunkan oleh Allah SWT. Perbuatan syirik ini boleh berlaku dalam dua bentuk, sama ada menyekutukan Allah SWT dengan kuasa ketuhanan yang lain ataupun menjadikan manusia dan nafsu sebagai kuasa penentu yang bertaraf seolah-olah seperti Tuhan. Dalam erti kata lain, kedua-dua bentuk syirik ini iaitu *syirik jali* dan *syirik khafi* perlu disedari sepenuhnya oleh umat Islam. Matlamat utama daripada pendekatan anti-syirik ini adalah bagi menjuruskan pengabdian insan hanya kepada Allah SWT, yang bakal melahirkan manusia yang berjiwa bebas, merdeka dan tidak tunduk kepada manusia dan selainnya yang boleh menggantikan posisi Tuhan.
2. *Budaya Ilmu*: mendapat sebanyak mungkin ilmu untuk mencapai keredaan Allah SWT; bertindak mengikut perkiraan ilmunya, menyebarkannya ke dalam masyarakat dan berfungsi sebagai pemimpin masyarakat; menjadikan matlamat pencarian ilmu bukan untuk tujuan kebendaan (makan gaji) tetapi untuk mencapai keredaan Allah SWT. Nikmat pengetahuan akan menjadikan pelajar sebagai seorang yang mampu berdikari tanpa bergantung kepada orang lain dan menekankan persoalan akhlak serta disiplin Islam melebihi segala-galanya.
3. *Falsafah Rationalistik*: menentang keras amalan budaya taqlid iaitu amalan yang menerima pendapat orang lain tanpa usul periksa secara teliti. Amalan ini perlu ditolak sama sekali membabitkan aspek akidah dan syariah. Persoalan akidah dan syariah Islam perlu diterima

- dengan menggunakan neraca perkiraan akal yang waras dan tidak ada perkara yang bersifat dogmatik yang tidak boleh dipersoalkan oleh akal yang waras. Islam adalah bersifat mesra akal yang sihat serta turut menggalakkan proses mengawal, menajam dan menyuburkan kapasiti akal sehingga ke tahap yang paling maksima melalui proses latihan dan pengamalan budaya ilmu.
4. *World Affirmative*: (alam sebagai tempat yang berguna) kepada masyarakat Melayu. Ianya telah menjadi asas kepada pembangunan hidup masyarakat yang lebih dinamik. Menurut pendekatan ini, umat Islam perlu menolak semua bentuk ajaran yang menafikan kepentingan hidup dunia seperti mana dipegang oleh ajaran Neo-Platonism, Hindu, Buddha dan Kristian yang menganggap kehidupan dunia ini sebagai kotor dan perlu dijauhkan demi untuk mencapai kejayaan di dalam hidup selepas mati.
 5. *Societal*: intelektual Muslim perlu berkhidmat dengan lebih gigih di dalam masyarakat melalui penerapan prinsip *societal* (mementingkan kehidupan bermasyarakat). Pendekatan ini antara lainnya menekankan kepentingan kehidupan bermasyarakat.
 6. *Prinsip Wasatiyyah*: membawa maksud seimbang dan pertengahan. Lebih khusus lagi, ia bermaksud berada di tempat yang sesuai di antara dua situasi yang bertentangan, selalu mengambil jalan tengah dalam menghadapi situasi yang berlaku dalam kehidupan. Anti tesis ataupun lawan kepada sifat wasatiyyah ini adalah sifat *ifrat* dan *tafrit* (melampaui batas) sama ada terlalu keras atau lembut, rajin atau malas dalam melakukan sesuatu pemahaman dan tindakan. Ianya didorong oleh ketiadaan ilmu yang benar (konsep kehilangan adab) dan terlalu mengikuti dorongan nafsu dalam melakukan sesuatu perkara.

Hasilnya, terbukti *world-view* Tauhid ini memang dijiwai oleh masyarakat Melayu. Jika dirujuk kepada teori yang dibuat oleh Hashim Musa terhadap tipologi sejarah tamadun alam Melayu, mendapati pembinaan tamadun Melayu ini telah diasaskan dengan enam pandangan *world-view* yang bersumberkan wahyu Allah. Keenam-enam pandangan ini telah menjadi pegangan utama masyarakat Melayu sehingga sekarang yang terdiri antara lainnya; (Hashim Musa 2001: 48-49).

1. Alam ini hasil ciptaan dan tadbiran Allah yang mencakupi alam primordial (arwah), alam dunia dan alam akhirat. Alam akhirat adalah destinasi dan natijah muktamad dari kehidupan di alam dunia. Kejayaan hakiki di alam akhirat adalah dapat memasuki syurga dan kejayaan di alam dunia adalah ketaatan kepada Allah.
2. Islam adalah panduan dari Allah sebagai *al-Din* yang mengandungi segala peraturan bagi segala gelagat hidup di dunia untuk individu dan masyarakat demi untuk kejayaan hakiki mereka.
3. Keyakinan kepada pembalasan yang baik bagi amalan yang baik dan sebaliknya pembalasan yang buruk untuk amalan yang buruk.
4. Wawasan, misi, objektif, niat, strategi dan operasi segala bidang kerja hendaklah salih, benar dan mematuhi segala aspek hukum Islam tanpa kompromi, manipulasi dan tolak ansur.
5. Nilai tertinggi dikaitkan dengan segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal salih dan berakhhlak mulia yang manfaatnya dapat dinikmati sama oleh orang lain.
6. Kehidupan pertengahan dan seimbang antara jasmani, akali dan rohani berdasarkan kepada ilmu pengetahuan dalam bentuk fardu Ain dan fardu Kifayah.

Terpenting sekali, masyarakat Melayu memahami bahawa Islam perlu difahami dan dihayati yang menyebabkan muncul kerajaan Islam seperti Melaka dan Aceh. Daripada kenyataan Batu Bersurat di Terengganu membuktikan syariah telah dilaksanakan dalam masyarakat Melayu. Atas dasar itu kita bersetuju dengan pandangan D.G.E. Hall, proses pendidikan dan perundangan Islam telah bertapak lebih daripada seratus tahun sebelumnya (D.G. E. Hall 1968: 255). Hanya selepas Islam benar-benar diterima ramai dan menjadi asas kehidupan masyarakat Melayu di Terengganu, barulah ianya dicatatkan pada Batu Bersurat sebagai pengisytiharan dan peringatan tentang kedaulatan Islam di kawasan tersebut. Ada keterangan tentang Allah dan Rasul, di samping bukti bahawa sistem perundangan Islam berupa gabungan antara undang-undang adat dan Islam (M.B. Hooker 1976: 127-131). Ia membabitkan 9 atau 10 hukum dalam bidang (a) muamalat – tentang

hutang piutang, undang-undang keterangan, hukuman kerana enggan membayar denda atau melarikan diri daripada hukuman dan (b) hukuman bagi kesalahan zina. Namun begitu, sebahagian besar keterangan ini kurang lengkap dan agak kabur kerana kehilangan sebahagian besar serpihan batunya (Abdul Kadir Muhammad 1996: 4).

Mengikut Zainy Uthman, catatan tentang 22 Februari 1303M Batu Bersurat di Terengganu yang menyebut tentang bulan Saratain menunjukkan penduduk di Terengganu itu sudah memiliki ilmu astronomi yang agak canggih. Ini kerana apabila dibuat kajian lanjutan dengan penggunaan komputer milik UNISZA tentang tarikh munculnya bintang Saratain di langit dunia semasa Batu Bersurat diletakkan, ia terbukti tepat dan betul. Mengikut catatan komputer astronomi, memang betul pada tarikh 22 Februari 1303M telah muncul bintang Saratain di langit Terengganu.

Mengikut Wan Mohd Nor lagi, penjajah walaupun dengan kecanggihan teknologi ketenteraan, tetap gagal mengubah *world-view* tauhid Melayu. Ia menyebut bahawa kerana *world-view* tauhid menyebabkan orang Melayu menjadi bebas dan tidak takut kepada kuasa tahuul. Ini menyebabkan mereka berani belayar di lautan luas kerana percayakan kuasa Allah sebagai tempat bergantung (Wan Mohd Nor Wan Daud 2001: 12-17).

Peranan Tulisan Dan Kitab Jawi Dalam Penyebaran Ilmu

Mubaligh awal melalui penyelidikan tentang masyarakat Melayu telah mencipta tulisan Jawi berasaskan huruf Arab. Taktik ini ternyata penuh berkat kerana ia bukan setakat menjadikan tulisan Jawi ini menjadi kebanggaan dan sumber perpaduan masyarakat Melayu - bahkan juga bertindak sebagai medium penyebaran dan pengembangan ilmu Islam.

Ia telah mengasaskan sistem pendidikan Islam yang mengajar paradigma ilmu ilmiah kepada masyarakat Melayu menggantikan paradigma pra Islam yang berasaskan mitos. Islam melalui kitab jawi mengajar manusia Melayu tentang kepentingan pemikiran yang baik. Harga diri seorang manusia antara lainnya terletak kepada penggunaan akal yang baik. Kitab jawi mengajar bahawa pemikiran adalah merupakan pekerjaan akal rasional manusia yang disifatkan sebagai suatu amal perbuatan yang secara pastinya terikat dengan persoalan halal ataupun haram yang dipertanggungjawabkan di hadapan Allah (Abdul Rahman Abdullah 2001: 8-15). Atas dasar ini, seseorang manusia diperingatkan agar menggunakan akal fikirannya dengan cara yang betul dan sah di sisi agama (Mohd Yusof Othman 1998). Ia perlu dilakukan secara berhati-hati (warak) kerana ianya dimulakan dengan niat yang diikuti dengan perlakuan.

Kitab jawi telah menerapkan elemen epistemologi Islam kepada manusia Melayu. Terdapat dua sumber ilmu Islam; akal dan khabar sadiq. Kebetulannya pula manusia memang terkenal pintar dengan kaedah penggunaan akal yang betul. Jadi apabila Islam memperkenalkan epistemologi ilmu ini telah memperkasakan pemikiran Melayu. Otak manusia Melayu memang hebat kerana ia menggabungkan 4 jenis kognitif pemikiran sekali gus. Bahkan ke 4 kaedah kognitif ini telah dilakukan sebelum mereka mengenal tradisi tulisan.

- i. Berfikir secara kreatif dan selektif. Mereka mampu meminjam kata-kata asing untuk menyatakan konsep baru yang abstrak. Contohnya mereka meminjam kata-kata dan istilah Islam seperti *baqa, fana, wujud* dan *ilmu* untuk menerangkan konsep Islam yang abstrak.
- ii. Berfikir secara metafora - bahasa berlapis dengan menggunakan bahasa literal sebagai struktur bahasa luaran untuk memprojekkan makna yang bersifat konseptual (makna lapisan kedua) - ia dibuat melalui proses perbandingan, Perumpamaan, tamsilan ibarat. Kaedah berfikir ini terdapat dalam peribahasa dan pepatah Melayu. Bahasa metafora ini bagi Aristotle hanya mampu digunakan oleh akal yang genius.
- iii. Berfikir secara aktif berfikir dan bertertib yang diungkap dengan kata-kata yang padat dan puitis untuk menyatakan sesuatu nilai dan prinsip hidup yang syumul. Tanda kepintaran akal Melayu terbukti dalam peribahasa dapat dilihat kepada 3 aspek;
 - a. makna pepatah sangat mendalam, terbuka dan tahan zaman.
 - b. makna yang luas disampaikan dalam 4 patah perkataan.

- c. diungkap dalam bahasa tersusun dan puitis.
- iv. Berfikir secara rasional, alami dan analogikal. Melalui pantun kita dapat mengetahui otak Melayu menggunakan penggunaan otak kanan (imaginasi) dan otak kiri (rasional) sekali gus. Hal ini boleh dilihat dalam pantun melalui penggunaan pembayang (imaginasi) dan maksud. Pisang emas dibawa belayar (elemen imaginasi) - hutang emas boleh dibayar (maksud) Jadi, Dato Hassan Ahmad menegaskan bahawa otak Melayu memang bergeliga kerana otak mereka seperti Einstein yang mampu menggabungkan pemakaian pemikiran secara *intuition* (imaginasi) dan rasional serentak (Rahimin Affandi Abdul Rahim 2011).

Di semua lokasi tamadun Islam alam Melayu memang wujud institusi pendidikan Islam dengan pelbagai nama khusus. Apa yang menariknya, institusi pendidikan Islam ini persamaan daripada segi pedagogi dan kurikulum serta pendekatan demokrasi pendidikan. Lebih unik lagi, dalam konteks penjanaan ilmu telah muncul konsep *Serambi Mekah*. Gelaran *Serambi Mekah* ini diberikan kepada Kelantan, Terengganu dan Acheh. Gelaran *Serambi Mekah* ini mempunyai beberapa maksud utama;

- i. Tempat ini telah menjadi tempat persiapan awal yang wajib dihadiri untuk pelajar agama yang ingin melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi ke Mekah (Rahimin Affandi Abd. Rahim 2003: 47-74).
- ii. Terdapat ungkapan yang menyebut bahawa sesiapa yang belajar di tempat ini mutu ilmu, otoritinya dan suasana masyarakatnya bersamaan seperti belajar di kota Mekah. Maksudnya, bagi sesiapa yang tidak berpeluang belajar di Mekah, sudah memadai andainya mereka berpeluang belajar di kawasan *Serambi Mekah* ini (Aziz Deraman 2013: 529).
- iii. Kawasan *Serambi Mekah* ini terkenal dengan pengamalan budaya *Rehlah Ilmiyah* (Azyumardi Azra 1998: 89-90). Konsep ini menuntut pelajar agama sentiasa berusaha keras di dalam menuntut ilmu di pelbagai tempat yang berbeza, bukan setakat untuk menimba ilmu bahkan pengalaman (seperti menyaksikan sosiologi masyarakat yang berbeza). Hasilnya, pengamalan konsep ini akan melahirkan ulama Islam yang mantap daripada segi ilmu, akhlak dan pengalaman hidup yang kemudiannya mengikut epistemologi Islam bakal melahirkan hikmah (kebijaksanaan) (Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Noor & Nor Adina Abdul Kadir 2011: 17-30). Apa yang jelasnya pengamalan budaya Rehlah ilmiah ini telah secara langsung memangkinkan perkembangan ilmu Islam di kawasan Timur Laut dan sekitarnya.
- iv. Sistem pengajian ilmu Islam telah disusun rapi dengan mengambil kira realiti tempatan. Ianya dibuat secara sintesis bila mana ulama Melayu telah meniru bentuk *halqat* pengajian ilmu-ilmu Islam daripada sistem pengajian Masjidil Haram di Mekah yang disesuaikan dengan ciri-ciri tempatan Melayu daripada segi bentuk asrama, stail pakaian dan sebagainya yang melahirkan sistem pengajian pondok yang lebih berorientasikan tempatan (Md. Sidin Ahmad Ishak 2000: 29-30). Ringkasnya, tindakan ulamak Melayu ini didorong dengan prinsip mengakui keabsahan dan menghormati kebudayaan tempatan Melayu dan tidak meniru secara bulat-bulat kesemua unsur-unsur dari Timur tengah.

Peranan Komuniti (Ashab Al-Jawiyin) Di Haramayn Dalam Mewujudkan Jalinan Intelektual Ulama Di Alam Melayu

Selepas abad ke 16, apabila gabungan Aceh dan Turki berjaya menyediakan jalan mengerjakan ibadah Haji yang selamat, momentum peningkatan Jemaah Haji daripada Alam Melayu telah berlaku. Realiti ini berlaku penganut Islam Alam Melayu menganggap Haramayn mempunyai beberapa kepentingan utama;

1. Haramayn (Mekah dan Madinah) dianggap sebagai pusat kesempurnaan Iman dan Islam yang wajib dikunjungi sekali seumur hidup.
2. Haramayn dianggap dapat memberikan pengiktirafan politik raja-raja Alam Melayu yang kemudiannya bakal meningkatkan reputasi raja-raja terbabit. Pada tahun 1630-an, Raja Banten dan Raja Mataram, telah menghantar utusan ke Mekah untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai raja (Sultan) di kerajaan mereka. Mereka berpendapat seandainya gelaran ini diperoleh dari Mekah, ia akan memberi sokongan supra-natural terhadap kekuasaan mereka. Para raja Jawa menganggap bahawa Syarif Besar yang menguasai Haramayn memiliki autoriti ke atas seluruh ummah Islam.
3. Ia merupakan pusat Ummah Islam sedunia. Hal ini adalah manifestasi daripada konsep ummah iaitu konsep solidariti Islam sejagat. Antara lainnya, ia menjadi sistem jaringan masyarakat Islam antarabangsa. Ummah merupakan masyarakat terbuka dan egalitarian yang boleh dianggotai oleh sesiapa sahaja kalangan kumpulan dan individu, selama ia menganut agama Islam. Contohnya, isu penjajahan Portugis di Melaka pada tahun 1511 telah dibincangkan secara meluas oleh pemimpin umat Islam dalam musim haji di Mekah.
4. Haramayn dijadikan pusat ibadah dan pengajian ilmu tertinggi Islam. Bagi Jemaah haji dari Alam Melayu, ibadah Haji akan dikerjakan dengan dua matlamat sekali gus; usaha mengerjakan ibadah haji dan menuntut ilmu agama di Haramayn. Lebih menarik lagi, pengorbanan mengerjakan haji dianggap sebagai *Riblah ilmiyyah*, jihad untuk menuntut ilmu. Hasil daripada jihad ilmu ini memungkinkan seseorang penuntut ilmu dapat melakukan mobiliti diri dan keluarganya dengan menjadi ulama terkenal.

Kesemua faktor-faktor ini menyebabkan Mekah menjadi tumpuan jumlah jemaah haji seluruh dunia, termasuklah Jemaah Haji dari Alam Melayu. Hal ini kemudiannya menyumbang kepada wujudnya *Ashab al-Jawiyin* (*Saudara Kita Orang Jawi*) di Haramayn. Komuniti *Ashab al-Jawiyin* dicirikan dengan; (Oman Fathurrahman 2012: 46-48). Pertama, mereka dikenali sebagai orang asing yang mengembara dari Alam Melayu untuk tujuan menuntut ilmu agama (*Riblah ilmiyyah*). Mereka sangat dihormati oleh penduduk asal Haramayn, kerana berkorban demi mempelajari ilmu agama daripada para ulama-ulama terkemuka di Mekah dan Madinah. Mereka biasanya tinggal di Haramayn untuk tempoh masa yang lama sehingga mampu melakukan interaksi sosial-keagamaan dengan umat Islam lain yang datang dari berbagai wilayah dalam dunia Islam (Martin van Bruinessen 1999: 246).

Kedua, terdapat tiga jenis pusat pengajian ilmu agama; Madrasah, Zawiyyah dan Ribath. Madrasah dan Zawiyyah dibiayai dengan wakaf golongan hartawan dan ditanggung oleh khilafah Uthmani. Ribath sebagai pusat golongan Tarekat biasanya didirikan oleh orang asing. Kesemua pusat pengajian ini dihadiri oleh guru dan pelajar asing. Lebih tepat lagi, ia dihadiri oleh sejumlah ulama yang datang dari berbagai kawasan dunia Islam, termasuklah dari dunia Melayu-Alam Melayu. Jadi ia terdiri *tradisi kecil Islam* yang berinteraksi dengan sejumlah tradisi kecil Islam lain, sehingga kemudiannya membentuk sebuah *tradisi besar Islam* yang sangat kosmopolitan.

Ketiga, para guru yang terlibat dalam pengajian ilmu adalah agak pelbagai. Voll membagi tiga jenis imigran Asia Selatan yang datang ke Haramayn. Pertama, *little Immigrants*. Golongan yang datang dan tinggal di Haramayn dan bercampur dalam kehidupan sosial keagamaan setempat. Kedua, *grand immigrants* iaitu ulama *per excellence*. Sebahagian daripada *grand immigrants* ini sangat ‘alim dan terkenal di negeri asal mereka. Ketiga, ulama dan guru yang mengembara kemudian menetap di Haramayn dalam perjalanan panjangnya menuntut ilmu.

Jaringan Ilmu Antara Alam Melayu Dan Haramayn

Ulama Haramayn yang menjadi guru kepada ulama Alam Melayu memang amat terkenal ketokohan mereka. Azyumardi Azra (1994: 88-89) menyatakan Syeikh Ahmad al-Qusyasyi yang merupakan guru kepada Syeikh Ibrahim al-Kurani dan Syeikh Abdul Rauf al-Fanshuri adalah murid dari Syeikh Sibagihat Allah (w. di Madinah 1015/1606) dalam Thariqah Syathariyah. Walaupun beliau adalah pengamal Thariqah Syathariyah, namun Syeikh Ahmad al-Qusyasyi juga memegang ijazah pelbagai tarekat. Yang paling berpengaruh di antara murid-muridnya selain Syeikh Ibrahim al-Kurani adalah

Syeikh Abdullah bin Syeikh al-'Aydrus (guru dari Sayyid Umar Ba Syaiban yang merupakan guru dari Syeikh Nuruddin al-Raniry), Hasan bin Ali al-'Ajami, Sayyid al-'Alamah al-Wali Barakaat al-Tunisi, Sayyid Abdul Khaliq al-Hindi al-Lahuri, Sayyid Abdurrahman (al-Mahjub) al-Maghribi al-Idrisi, Sayyid Abdullah Bafaqih, Sayyid Ali al-Syaibani al-Zabidi dan sejumlah ulama terpandang Yaman lainnya dari keluarga 'Alawi dan Ja'man (beberapa tokoh utama keluarga ini juga merupakan guru-guru Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri dan Syeikh Yusuf al-Makassari).

Hubungan antara pelajar Alam Melayu dengan guru Haramayn amat rapat. Mekanisme terpenting yang menyebabkan hubungan ini menjadi rapat adalah kerana ia terjalin dengan autoriti isnad hadis dan silsilah tarekat. Para murid Alam Melayu ini menjadi medium utama bagi proses transmisi *Tradisi Besar Islam* dari Haramayn ke wilayah Alam Melayu. Antara ulama terkemuka yang terlibat dalam proses ini, antara lain Nuruddin al-Raniri (w. 1658), Abdul Rauf al-Sinkili (1615-1693), dan Muhammad Yusuf al-Makassari (1629-1699) pada abad 17; Abdussamad al-Palimbani, Shaikh Arshad al-Banjari (1710-1812), dan Shaikh Dawud al-Patani (w. 1847), pada abad 18 dan awal abad 19; Shaikh Nawawi al-Bantani (1813-1879), Ahmad Rifa'i Kalisalak (1786-1870) Shaikh Ahmad Khatib Sambas (1803-1875) pada abad 19; Muhammad Saleh Darat al-Samarani (w. 1903M), Shaikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi (1860-1916), dan Muhammad Yasin al-Padani (1917-1990) pada abad 20 (Azyumardi Azra 2015: 69-87).

Karier ulama Alam Melayu graduan Haramayn ternyata agak hebat. Contohnya, Shaikh Abdul Rauf Ali, setelah 19 tahun belajar agama pada tidak kurang dari 15 orang guru, 27 ulama terkenal, dan 15 tokoh sufi di Jeddah, Mekah, Madinah, Mokha dan Bait al-Faqih apabila kembali ke Aceh, ia menjadi ulama terkemuka. Ia kemudiannya didatangi oleh sejumlah murid yang ingin belajar ilmu agama, seperti Shaikh Burhanuddin Ulakan dari Sumatra Barat dan Shaikh Abdul Muhyi Pamijahan dari Jawa Barat. Berikutnya, Burhanuddin Ulakan dan Abdul Muhyi ini juga memiliki sejumlah murid di kawasan masing-masing. Hal ini kemudiannya membentuk tradisi Islam tempatan yang sangat dinamis dan beragam.

Di zaman selepas abad ke-17, hubungan Ulama Haramayn dan *Ashab al-Jawi* telah semakin bertambah dan hal ini memberi manfaat ilmu yang besar kepada masyarakat Haramayn dan Alam Melayu sendiri. Ulama Melayu dari kalangan *Jama'at al-Jawiyin* telah berguru di Haramayn dan terpenting sekali mereka telah menjadi penghubung bagi tersebarnya berbagai doktrin, konsep, ajaran dan pemikiran intelektual-keagamaan yang berasal dari Haramayn di dunia Alam Melayu.

Walaupun ulama Melayu telah pun tamat belajar dan kembali ke tanah air sendiri namun hubungan intelektual antara *jama'at al-Jawiyin* dengan Ulama di Haramayn tetap berterusan. Bahkan hubungan ini diperkuatkan dengan rasa tanggungjawab moral apabila mereka menyampaikan ilmu-ilmu Islam terbabit ke kawasan sendiri. Hal ini berlaku dengan beberapa bentuk utama;

1. Penggunaan kitab agama Haramayn sebagai rujukan utama di pondok dan institusi agama.
2. Menterjemahkan kitab yang muktabar.
3. Menulis kitab sendiri yang disesuaikan dengan realiti Alam Melayu.
4. Melaporkan perkembangan kehidupan keagamaan di Alam Melayu kepada guru-guru di Haramayn. Ia diikuti dengan langkah meminta penjelasan dan fatwa bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Contoh bagi kaedah keempat ini boleh dilihat kepada apa yang dilakukan oleh Abdul Rauf (Syiah Kuala) di Aceh. Beliau telah melaporkan pergolakan agama di wilayah yang disebut dengan *bilad al-Jawah* kepada gurunya Ibrahim al-Kurani. Abdul Rauf turut meminta gurunya untuk menulis penjelasan tentang kitab *al-Tuhfah al-Mursalah* yang menjadi sumber salah faham tentang doktrin *wahdatul wujud* di dunia Alam Melayu. Berdasarkan laporan tersebut, Ibrahim al-Kurani telah mengarang karya monumental berupa kitab *Ithaf al-Dhaki bi sharh al-Tuhfah al-mursalah ila al-Nabi Shallallahu 'alaibi wa sallama*, sebagai respons kepada permintaan Abdul Rauf. Tujuan utama hal ini dilakukan adalah untuk memberikan penjelasan bagi meredakan perdebatan di Aceh akibat salah faham dengan ajaran *wahdatul wujud*. Syeikh Ibrahim al-Kurani memang banyak mempengaruhi Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri. Dalam berbagai karya yang dihasilkan oleh Abdul Rauf al-

Fansuri seperti *Tanbih al-Mashi*, *Kifayat al-Muhtajin*, *Daqaiq al-huruf*, beliau telah meneruskan tradisi pemikiran al-Kurani yang membenarkan ajaran *Wahdat Al-Wujud* dengan tetap mempertahankan teologi *Ash'ariyah* dan berpegang teguh kepada syariat (Azyumardi Azra 2015: 69-87).

Lebih menarik lagi, ulama tamatan Haramayn ini telah menunjukkan semangat perpaduan yang tinggi sesama mereka. Karya ulama tamatan Haramayn dari kawasan berbeza telah dipelajari di lokasi lain di Alam Melayu. Contohnya karya Nurudin Al-Raniri Siratal Mustaqim telah ditahqiqkan di Banjarmasin oleh Sheikh Arshad Banjari. Contoh yang lain adalah karya Abdul Rauf Singkel dipelajari di Sulawesi, Button, Mindanao dan Pattani. Karya tafsir dan fiqhnya dikenali dan dicetak berulang kali di Alam Melayu, Mesir, Turki dan Bombay. Sarjana barat sendiri mengakui bahawa karya ulama Aceh tersebar meluas di seluruh Alam Melayu hingga ke Filipina dan masih dipakai sehingga sekarang. Jadi, ia bersifat rentas sempadan yang saling mempengaruhi ulama di lokasi berbeza. Ia dipakai dalam tempuh yang lama dan dicetak berulang kali di beberapa tempat.

Ulama-ulama ini saling melengkapi antara satu sama lain. Bukan setakat karya ulama terdahulu dijadikan rujukan, bahkan ia turut dilakukan tahqiq bagi menambah dan melakukan pembaikan yang difikirkan perlu. Isu-isu yang dibawa dalam karya ulama awal disokong oleh ulama terkemudian, dianggap sebagai relevan di praktik dan dijadikan rujukan oleh masyarakat. Contohnya karya Nurudin di bidang fiqh diwartakan dapat membantu pemahaman tentang konsep asas pemikiran hukum Islam, karya Daud Pattani relevan untuk fiqh Muamalah dan kepenggunaan Islam. Karya sufi ulama awal ini telah menjadi daya pengikat ahli di bawah pelbagai Tarekat. Ianya dalam bentuk wirid tarekat seperti tarekat Syatariah yang masih kekal menjadi amalan selepas solat di Alam Melayu. Bahkan, amalan wirid selepas solat ini menjadi satu-satu amalan ibadat milik masyarakat Alam Melayu, yang tidak ada di dalam masyarakat Islam lain.

Dalam hal ini, Azra semasa melakukan kajian tentang jaringan ulama Alam Melayu dan haramayn, Azra Ayumardi memanfaatkan tidak kurang dari 29 judul manuskrip keagamaan, umumnya berbahasa Melayu dan sedikit Arab, sebahagian besar karangan para ulama Melayu-Alam Melayu dan sebahagian kecil karangan ulama Haramayn yang ditulis dalam konteks dunia Melayu-Alam Melayu, wilayah yang disebut dalam naskhah tersebut sebagai “*bilad Jawah*” (Azyumardi Azra 2015: 69-87).

Pada akhir abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-19, antara ulama Alam Melayu yang aktif mengajar dan menghasilkan banyak karya adalah 'Abdul Malik Abdullah, Muhammad Arshad al-Banjari, Nawawi al-Bantani dan Daud al-Fatani (Md. Sidin Ahmad Ishak 1992: 107). Kemasyhuran tentang keilmuan ulama-ulama ini tidak terbatas kepada masyarakat Melayu sahaja tetapi turut tersebar dalam kalangan masyarakat Arab. Seorang ulama adalah Shaykh Nawawi al-Bantani pernah diberikan gelaran sebagai Sayyid Ulama' al-Hijaz kerana tulisannya dan keilmuannya. Di samping ketinggian ilmunya, gelaran ini juga diberikan kepada Shaykh Nawawi kerana kemahiran dan kewibawaannya dalam ilmu agama ketika berdiskusi dengan shaykh-shaykh di Universiti al-Azhar (A.H. Johns 1981: 20-21). Kecemerlangan dan kemasyhuran ulama-ulama ini diteruskan oleh beberapa orang ulama dari Alam Melayu yang lain. Antaranya adalah Shaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zain Mustafa' al-Fatani (H.W.M. Saghir Abdullah 1990: 33-60). Salah seorang pelajarnya yang awal telah muncul sebagai seorang ulama terkenal di Kelantan ialah Tuan Tabal (Mohd. Yusoff bin Abd. Rahman 1976: 97). Seorang lagi bekas pelajarnya yang amat terpengaruh dengan pemikirannya ialah Tok Kenali (Abdullah al-Qari b. Haji Salleh, 1982: 87-100); Shaykh Wan Ahmad sangat prolifik yang menghasilkan tulisannya sendiri dan menganotasi tulisan dalam bahasa Arab dan Melayu yang jumlahnya mencapai sekitar 160 tulisan semuanya.

Kemasyhuran Shaykh Wan Ahmad Zain turut disedari oleh seorang orientalis Belanda yang berada di Mekah pada waktu itu dengan berpura-pura menjadi seorang Islam iaitu Snouck Hurgronje (Mohammad Redzuan Othman 1994: 22-23). Hurgronje menyifatkan Shaykh Wan Ahmad "seorang sarjana yang cemerlang" kerana keilmuan dan pengaruhnya (C. Snouck Hurgronje 1970: 286). Kedudukan Shaykh Wan Ahmad sebagai seorang ulama yang dihormati mewakili Alam Melayu juga turut diiktiraf oleh Daulah Uthmaniyyah apabila beliau diamanahkan oleh Sultan 'Abdul

Hamid II bagi menyelia percetakan Melayu di Mekah iaitu al-Matba'ah al-Masriyyah al-Ka'inah apabila ia diwujudkan pada tahun 1884.

Peranan Kitab Jawi Melahirkan Intelektualisme Bermutu Tinggi

Pencapaian kitab jawi begitu meluas dalam masyarakat Melayu yang melahirkan perkembangan intelektualisme yang bermutu tinggi. Hal ini dapat dijelaskan dengan beberapa perkara;

1. Ia dibuat atas dasar keikhlasan untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat awam di Alam Melayu. Pengarangnya sangat prihatin dengan nasib masyarakat Alam Melayu yang baru menerima Islam dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran; pengaruh idealism pra Islam dan kolonialisme. Ia tidak seperti pengarang zaman moden yang terlalu terikat dengan kepentingan kebendaan melalui konsep harta intelek. Konsep ini antara lainnya memberi peluang pengarangnya mendapat kemasyhuran dan pulangan kebendaan. Sedangkan pengarang kitab jawi mewakafkan kitab mereka untuk perjuangan Islam.
2. Ia mengajar masyarakat Melayu bagaimana penulisan ilmiah perlu dilakukan. Ia berbeza dengan penulisan zaman silam yang sarat dengan kepentingan feudal dan elemen mitos untuk mengagungkan golongan feudal. Jelas sekali pengarang Melayu era feudal berfungsi untuk mengharapkan pulangan kebendaan bernaung di bawah raja khusus. Lagipun penulisan karya era feudal kurang menitikberatkan kaedah penulisan ilmiah sehingga sarjana kolonial secara terangan menegaskan karya sejarah era Melayu silam (seperti kitab sejarah Melayu) tidak bersifat saintifik dan penuh dengan elemen mitos (R.J. Wilkinson 1971: 33; 1975: 20).
3. Ia mengajar formula Islam yang holistik sehingga menimbulkan tamadun di Alam Melayu. Ia mengajar manusia Melayu berpegang kepada prinsip tauhid dalam apa-apa tindakan. Tiada elemen kasta dalam Islam di mana semua manusia sama sebagai mukhalaf di sisi Allah. Ia juga melalui ilmu ketatanegaraan Melayu Islam mengajar etika yang wajib dimiliki oleh seseorang pemerintah.

Setiap pengkaji kitab Jawi memang akan terkejut dengan mutu ilmiah yang dimilikinya. Ia menepati kriteria karya ilmiah seperti mana difahami dalam konteks moden (Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus 1999: 2-3; Amin Abdullah 2000: 84-88). Ia merangkumi;

1. Elemen integriti yang memastikan proses peniruan (*plagiarism*) tidak dilakukan dengan memetik kata-kata org lain tanpa mengakuinya. Hal ini tidak kedapatan dalam kitab Jawi, apabila pengarangnya secara terangan menyatakan sumber rujukan pengambilan ideanya. Bahkan ia menyatakan ia adalah hasil terjemahan kitab muktabar yang khusus. Ia bukannya terjemahan secara pasif tetapi ditokok tambah dengan pandangan pengarang berdasarkan realiti tempatan Alam Melayu.
2. Ada bahagian mukadimah, isi dan kesimpulan.
3. Struktur penghujahan yang sistematik - persoalan dan jawapan disertakan alasan/sumber hujah (sama ada naqli atau aqli) yang sepatutnya.
4. Gaya bahasa yang mudah difahami oleh pembaca.
5. Bertepatan dengan epistemologi Islam - ada keterangan tentang sumber rujukan yang agak detail. Penggunaan sumber rujukan bersesuaian dengan hierarki sumber asas Islam - dimulai dengan tertib yang rapi; Quran, Sunah, pandangan ulamak dan akal. Apa yang menariknya penggunaan setiap karya ulamak dipilih mengikut hierarkinya (*Tabaqat*) yang tersendiri (Jamalluddin Hashim 2008: 198-215).
6. Ia disusun dalam bentuk yang logik dan terbuka untuk diwacanakan. Buktinya kitab jawi mempunyai ruangan matan teks asal dan ruangan catatan/ komentar pembaca. Ia melatih pembaca menjadi pembaca/pemikir yang proaktif: membaca, memahami dan mencatat sekali gus. Lagipun, ia terbuka untuk dilakukan semakan dan komentar oleh pengarang yang lain. Kesemua usaha wacana ilmiah akan memastikan lagi mutu kajianya semakin baik.

Contoh pencapaian kitab jawi - Ketatanegaraan Melayu-Islam

Dalam tradisi keilmuan Islam, memang wujud suatu genre yang dikhawasukan untuk menasihati para *umara'* (pemimpin politik) dan memberi bimbingan dalam hal politik dan ketatanegaraan. Ini bermakna ulama sangat mengambil berat tentang hal kenegaraan. Tradisi menasihati pemimpin (*nasihat al-muluk*) amat dititikberatkan dalam tamadun Islam. Beberapa ulama' besar terkenal dengan karya mereka dalam bidang ini: Kitab al-Kharaj karya Abu Yusuf (798), yang ditulis atas permintaan Harun al-Rashid (763-809), adalah di antara karya terawal yang diketahui dalam bidang ini. Abu al-Hasan al-Mawardi (1058) menulis *Nasihat al-Muluk* dan *al-Ahkam al-Sultaniyyah*; Abu Hamid al-Ghazali (1111) dengan karyanya bertajuk *al-Tibr al-Masbuq fi Nasihat al-Muluk*, Ibn Taymiyah (1328) menulis *al-Siyasah al-Shariyyah fi Islah al-Rai' wa al-Raiyyah* dan banyak lagi karya yang lain.

Di Alam Melayu, khususnya pada abad 16-18, ilmu ketatanegaraan Islam memang muncul dan menjadi antara keilmuan Alam Melayu yang banyak memberi kesan kepada kerajaan Alam Melayu silam. Hal ini berlaku sebelum Alam Melayu terdedah dengan idea dan pemikiran Barat. Hanya selepas penjajahan politik dan epistemologi Barat, kesemua karya Ketatanegaraan Melayu dianggap tidak relevan untuk pemerintahan berkerajaan Alam Melayu. Pihak kolonial British dan Belanda telah mengumpulkan karya-karya ilmu Melayu, termasuk Karya Ketatanegaraan Melayu ini. Terdapat tiga karya ketatanegaraan yang dihasilkan oleh tiga sarjana Melayu; dua daripadanya dari Aceh dan seorang daripada Johor-Riau. Tokoh Aceh adalah Bukhari al-Jauhari dengan karya *Taj al-Salatin* (1603), Nuruddin al-Raniri dengan kitab *Bustan al-Salatin* (1658) dan Raja Ali Haji dengan kitab *Tsammarat al-Muhimmah* (1873). Apa yang jelasnya, dua kitab yang awal tadi dihasilkan pada zaman keagungan kerajaan Aceh, manakala karya Raja Ali Haji dihasilkan pada zaman kejatuhan tamadun Islam Alam Melayu.

Intipati Utama Karya Ketatanegaraan Melayu

Secara kasarnya, inti pati utama ilmu ketatanegaraan Melayu-Islam terdiri; (Khalif Muammar A. Harris 2011: 79 – 101). *Pertama*, ia ditulis atas sebab tertentu seperti atas kehendak raja di samping atas usaha pengarangnya sendiri bagi menasihati raja dan menyelesaikan masalah kepimpinan politik yang timbul dalam negara. Contohnya *Taj Salatin* ditulis untuk membantu menyelesaikan masalah kepimpinan dan anarki dalam kesultanan Aceh akibat perebutan kuasa. Ramai sarjana berpendapat bahawa kitab itu telah ditulis di Aceh untuk Sultan Alaudin Riayat Shah (1586- 1604). Bukhari al-Jauhari dikatakan mempersembahkannya kepada Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) sebagai satu sumbangan pemikiran dalam masalah kepimpinan. Ia dihasilkan dengan niat untuk menjadi petunjuk atau manual bagi raja-raja dalam pemerintahan mereka.

Kedua, ia lebih bernuansakan prinsip Islam sejati dan tiada elemen feudal Melayu yang menganggap raja sebagai berdaulat jelmaan tuhan yang berkuasa mutlak. *Tsammarat al-Muhimmah* menolak pendekatan ini kerana ia bakal membawa kepada syirik kepada Allah, selain bakal menjadikan raja sebagai tirani (zalim).

Ketiga, ia menekankan kepentingan mewujudkan kerajaan dengan seorang pemimpin yang dianggap sebagai Fardu Kifayah bagi (a) mewujudkan suasana yang bakal memberikan kehidupan yang aman, (b) mewujudkan keadilan bagi dilaksanakan syariah dan (c) menjaga hak dan kebajikan rakyat. *Keempat*, kepatuhan kepada raja adalah bersyarat selama mana ia tidak bertentangan dengan syariah. Sebahagian besar daripada ilmu ketatanegaraan Melayu ini menekankan tentang syarat, sifat dan bagaimana seseorang raja itu dapat menjadi pemimpin yang adil dan bertaqwah kepada Allah. Atas dasar itu, kita mendapati bagaimana empat fasal kitab *Taj Salatin* secara langsung menyentuh soal hakikat manusia (termasuklah raja) sebagai hamba - perantau di dunia sementara yang secara pastinya akan menuju ke alam akhirat yang kekal abadi. Di Alam Akhirat nanti semua perilaku perbuatannya akan dipersoalkan dan dihisab Allah dengan seadil-adilnya.

Bagi Raja Ali Haji, beliau menekankan peranan tasawuf dalam membimbing dan menyelamatkan seseorang daripada menjadi pemimpin yang jahat atau zalim. Beliau, yang telah mendalami tasawuf daripada buku-buku imam al-Ghazali, telah mengambil manfaat daripada

ilmunya itu dan memahami jiwa manusia dan hubungannya dengan perilaku zahir. Baginya seseorang itu tidak akan dapat menjadi pemimpin yang baik jika tidak mengetahui penyakit-penyakit hati atau sifat-sifat tercela yang mesti dijauhi dan diubati. Kerana sebagaimana sering ditekankan oleh ulama'-ulama' sufi, kesejahteraan luaran bergantung kepada kesejahteraan dalaman (hati).

Beliau berkata:

"Tatkala kita berkehendak memeliharaikan nama sampai mendapat nama yang baik tiada dapat tiada hendaklah kita ketahui tertib segala kejahatan batii yang membawa kepada anggota yang zahir". Antara sifat-sifat tercela, kejahatan batii yang mesti dibindari dan diubati adalah penyakit takbur (membesarkan diri), ghadab (pemarah), hasad (dengki), tamak (loba), bakhil (kikir), mugbal (lalai), israf (berlebih-lebihan), al-maz̄h (bergurau mempersenda), kizb (dusta), aljaz' (keluh kesah), 'ajalah (gopoh), taswif (menundu-nunda), lam yajza' al-khayr (tidak membala jasa), la yubali bi al-din (tidak hiraukan atau meringan-ringankan agama). Setiap sifat tercela ini dibahas dan diterangkan bahayanya kepada diri dan negara. Di samping itu beliau juga memberikan secara ringkas kaedah rawatan bagaimana mengubati penyakit-penyakit tersebut sebagaimana dinyatakan di dalam kitab-kitab tasawuf. Bagi Raja Ali Haji walaupun sesetengah penyakit batii ini mungkin tampak kecil bagi sesetengah orang akan tetapi ia sebenarnya akan "mendatangkan kepada dirinya mudarat yang besar atau kepada lainnya".

Kelima, larangan menderhaka kepada raja dan menjatuhkannya melalui jalan kekerasan demi untuk mengelakkan timbul fitnah anarki yang lebih besar. Bagi Raja Ali Haji, walaupun adil adalah sifat yang paling penting, tetapi beliau tidak terburu-buru menyatakan bahawa apabila seorang raja itu berlaku tidak adil ia boleh dilucutkan daripada takhtanya. Beliau cukup berhati-hati agar tidak mendatangkan huru-hara akibat pertimbangan yang singkat. Sesuai dengan pandangan para ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* yang muktabar, beliau mengatakan: "*tiada boleh diturunkan raja itu daripada kerajaan jika hilang sifat adilnya sekalipun*". Walaupun keadilan merupakan prinsip yang sangat penting namun jika raja tersebut ternyata tidak berlaku adil terhadap rakyatnya ia tidak langsung boleh dimakzulkan dengan alasan ini. Prinsip ini juga telah menjadi garis panduan bagi umat Islam agar tidak terjebak dalam ekstremisme dan radikalisme.

Walaupun demikian raja Ali Haji mengatakan harus hukumnya raja yang jahat (zalim) dan fasiq diganti dengan yang lain. Dengan demikian beliau mengakui pentingnya prinsip akauntabiliti terhadap pemimpin tertinggi, hanya apabila tindakan ke atasnya itu dapat dilakukan tanpa berlaku pertumpahan darah. Raja Ali Haji mengatakan hanya apabila perbuatan raja itu membawa kepada kekufturan maka ia boleh dilucutkan dari takhtanya dengan apa cara sekalipun, seperti apabila ia menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

Keenam, pemerintahan dengan musyawarah. Musyawarah adalah konsep dan prinsip yang amat penting yang mencirikan sistem pemerintahan Islam. Ia adalah lambang pemerintahan yang adil dan bijaksana. Musyawarah dapat memastikan sesebuah negara itu diperintah berdasarkan ilmu dan kebijaksanaan dan bukan berdasarkan hawa nafsu dan ketamakan. Menyedari kepentingan musyawarah dan konsepnya yang unik Raja Ali Haji bukan sahaja mewajibkan musyawarah, sebagaimana ditegaskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi juga menentukan bila dan bagaimana musyawarah itu dilakukan serta adab-adabnya. Bahkan beliau juga menjelaskan dengan siapa sahaja musyawarah itu dilakukan: "jangan musyawarah dengan orang yang jahil dan kepada seteru dan kepada orang yang dengki dan kepada orang yang riya' dan kepada orang yang penakut dan kepada orang yang bakhil dan kepada orang yang sekedudukan dengan perempuan dan orang yang mengikutkan hawa nafsunya kerana segala mereka yang tersebut itu barangkali di dapat kecederaan pada musyawarah."

Raja Ali Haji menegaskan ada beberapa perkara yang wajib bagi raja bermusyawarah antaranya: "pertama pekerjaan memulai perang, kedua pekerjaan memberi nama dan gelaran, ketiga pekerjaan memberi cop dan mohor dan tandatangan, keempat pekerjaan memberi kuasa dan menyerahkan suatu seorang maka pekerjaan yang empat ini hendaklah mendahului musyawarah yang kebijakan adanya".

Dalam soal ini, terdapat banyak sekali pengaruh kitab Ilmu Ketatanegaraan Melayu-Islam. Antaranya;

Pertama, garis panduan sistem pemerintahan negara yang diberi oleh Kitab *Taj Salatin* didapati amat berkesan di dalam melahirkan kerajaan Aceh yang adil. Bagi Shah Rul Anuar Nordin, (Shah Rul Anuar Nordin 2014: 1-13). Gagasan dalam kitab ini memberi pengaruh yang cukup besar kepada pemikiran politik sultan dan rakyat Aceh. Walaupun Kitab Taj Salatin ditulis pada zaman pemerintahan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil, kesannya hanya diperoleh pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda, Sultan Iskandar Thani dan Sultanah Sufiatuddin. Nampak ketara bahawa politik pemerintahan Kesultanan Aceh Dar al-Salam lebih tersusun seiring dengan fatwa *Taj al-Salatin*. Apabila dibuat perbandingan antara sejarah yang telah berlaku dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam dengan idea-idea dalam kitab *Taj al-Salatin*, didapati bahawa kebanyakan pemikiran Bukhari al-Jauhari telah diamalkan oleh Sultan Iskandar Muda, Sultan Iskandar Thani dan Sultanah Sufiatuddin.

Kedua, Kitab *Taj Salatin* amat terkenal dan berpengaruh di Alam Melayu yang juga turut dikumpul oleh pihak Barat sendiri. Terdapat sekurang-kurangnya 28 edisi manuskrip *Taj al-Salatin* yang ditemui. Dari Aceh, *Taj al-Salatin* disalin dan tersebar ke tempat lain seperti Jakarta, Tanah Melayu, Brussels, Leiden, London dan Oxford. Ianya telah diterjemah ke dalam bahasa Inggeris. Dalam bahasa Jawa, kitab ini telah disadur dan diberi judul *Serat Tajussalatin*. Kitab *Taj al-Salatin* bukan sahaja terdapat dalam bentuk manuskrip tulisan tangan tetapi juga pernah diterbitkan dengan tulisan cap batu di Johor Bahru pada tahun 1875. Menurut Henri Chambert-Loir (Chambert-Loir, Henri 1993: 597) dalam artikelnya bertajuk *Naskhab-naskhab Melayu dari Pulau Sumbawa*, pada tahun 1983, beliau dapat masih tersimpan sebuah manuskrip *Taj al-Salatin* yang disalin pada abad ke-19M di Kabupaten Dompu, Pulau Sumbawa, Indonesia. Ini menunjukkan bahawa pengedarannya meluas, menjadi bacaan umum penduduk Alam Melayu dan digunakan sebagai panduan dalam pemerintahan raja-raja Melayu.

Menurut T. Iskandar, *Taj al-Salatin* memberi pengaruh dan impak yang besar di kalangan raja-raja Melayu, Aceh dan Jawa dalam pemerintahan kerajaan mereka sejak ia ditulis di awal abad ke 17 hingga akhir abad ke 18 M. Antara kitab yang dipengaruhi oleh kitab *Taj al-Salatin* ini ialah kitab *Bustan al-Salatin* (oleh Nuruddin al-Raniri), *Salasilah Kutai*, *Serat Wedatama* (oleh Mangkunegara IV) dan *Tsammarat al-Muhimmah* (oleh Raja Ali Haji). *Serat Tajusalatin*, sebuah khazanah sastera Jawa telah digubah dari kitab *Taj al-Salatin* pada tahun 1726, di zaman Raja Pakubuwana II.

C. Hooykass menyatakan bahawa Sultan Hussein Shah, raja Singapura pernah menggunakan kitab ini sebagai rujukan untuk menolak syor cadangan Raffles. Winstedt pula menyatakan bahawa gambaran Abdullah Munsyi mengenai Raffles dan alamat roman mukanya dikutip daripada kitab *Taj al-Salatin* (Teuku Iskandar 1965: 108-110). Kitab *Taj al-Salatin* ini bukan sahaja terkenal di negeri-negeri Melayu, Pulau Sumatera dan Tanah Jawa, malahan ia juga dipelajari oleh golongan raja dan rakyat biasa.

Sejak ia ditulis pada awal abad ke 17 hingga akhir abad ke 19M, banyak salinan telah dibuat. Ini menunjukkan bahawa pengedarannya meluas dan menjadi bacaan umum penduduk Alam Melayu sama ada daripada kalangan pemimpin, raja-raja Melayu, kaum terpelajar dan rakyat jelata. Kitab *Taj al-Salatin* juga disimpan dan dibaca oleh bangsawan di istana Pahang, Kedah, Johor dan banyak istana raja-raja Melayu yang lain.

KESIMPULAN

Rumusan akhirnya, umat Melayu Islam berhutang budi dengan para ulama abad 16-20 M yang melahirkan kitab jawi. Apa yang jelasnya, dalam kajian ini menunjukkan bagaimana peranan kitab jawi yang memperkenalkan akidah Tauhid, sistem kerajaan dan budaya ilmu telah berjaya melahirkan tamadun Islam di alam Melayu. Atas dasar itu, usaha memperkasakan semangat kitab jawi perlu dilakukan bagi memastikan tamadun Melayu Islam akan terus kekal di zaman global ini.

PENGHARGAAN

Dapatkan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran yang dianugerahkan kepada ahli penyelidik di bawah tajaan Muzium Abu Bakar, Pekan, Negeri Pahang. Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak Muzium Abu Bakar, Pekan, Pahang di atas penganugerahan geran ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Muhammad. 1996. *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.
- Abdul Rahman Abdullah. 2001. *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publisher.
- Abdullah al-Qari Haji Salleh. 1982. To' Kenali: His Life and Influence. Dlm. *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, disunting oleh William R. Roff. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Amin Abdullah. 2000. Kajian Ilmu Kalam di IAIN: Menyongsong Perguliran Paradigma Keilmuan Keislaman Pada Era Milenium Ketiga. *Al-Jamiah* 65(VI): 84-88.
- Aziz Deraman. 2013. Citra Budaya Kelantan. Dlm. *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, disunting oleh Mahmood Zuhdi Abd Majib. Kota Bharu: MAIK.
- Azyumardi Azra. 1994. *Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Alam Melayu Abad XVII dan XVIII*. Penerbit Mizan: Bandung.
- Azyumardi Azra. 1998. *Esei-Esei Intelektual Muslim Dan Pendidikan Islam*. Jakarta: LOGOS.
- Azyumardi Azra. 2015. The Significance of Southeast Asia (The Jawah World) For Global Islamic Studies: Historical and Comparative Perspectives. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 8: 69-87.
- Boxer, C.R. 1969. A Note on Portuguese Reactions to The Revival of The Red Sea Spice Trade and The Rise of Atjeh, 1540-1600. *Journal of Southeast Asian History* 10(3): 424.
- Chambert-Loir, Henri. 1993. Naskhah-naskhah Melayu dari Pulau Sumbawa. Dalam *Tamadun Melayu*. Jil. 2, disunting oleh Ismail Hussein. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1998. Bahasa Melayu Abad ke-17: Ciri-ciri Sosiolinguistik. *Jurnal Dewan Bahasa Mei*: 22 dan 23.
- Elegant, S. 1999. *Far Eastern Economic Review*. 10 Jun: 45.
- Hall, D.G. E. 1968. *A History of South East Asia*. London: St. Martins Press.
- Hashim Musa. 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: ke Arab Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hashim Musa. 2014. Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama dalam Persuratan dan Pembudayaan Ilmu, Sains dan Teknologi di Rantau Ini. *International Journal of the Malay World and Civilization*: 2(2).
- Hooke, M.B. 1976. The Terengganu in Malayan Legal History. *JMBRAS*, Vol. XLIX (2): 127-131.
- Hurgronje, C. S. 1970. *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*. Leiden: E.J. Brill.
- Jamalluddin Hashim. 2008. Kitab Al-Sirat Al-Mustaqqim oleh Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan. *Jurnal Fiqh* 5: 198-215.
- Johns, A.H. 1981. From Coastal Settlement to Islamic Schools and City: Islamization in Sumatra, the Malay Peninsula and Java. *Hamdard Islamicus* IV(4): 20-21.
- Johns, A.H. 1984. Islam in The Malay World, dalam *Islam in Asia*. Jerusalem 2: 138.
- Khalif Muammar A. Harris. 2011. Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja Ali Haji. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 29(1): 79 – 101.
- Martin van Bruinessen. 1999. *Kitab Kuning: Pesantren dan Tarekat*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. 1992. Malay Book Publishing and Printing in Malaya and Singapore 1807-1949. Tesis Ph.D., University of Stirling.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. 2000. *The Malays in The Middle East, With A Bibliography of Malay Printed Works Published in The Midde East*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Mohammad Redzuan Othman. 1994. The Middle Eastern Influence on The Development of Religious and Political Thought in Malay Society. Tesis Ph.D., University of Edinburgh.
- Mohd Yusof Othman. 1998. *Isu-Isu dalam Ilmu dan Pemikiran*. Kajang: Aras Mega Sdn Bhd.

- Mohd. Yusoff Abd. Rahman. 1976. Pelajaran Ugama dan Kemunculan Ulamak Kelantan. *Jebat* 5/6: 97.
- Naquib al-Attas, S.M. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oman Fathurrahman. 2012. *Ithaf Al-Dhaki: Tafsir Wahdatul Wujud bagi Muslim Nusantara*. Penerbit Mizan: Jakarta.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2003. Analisis Sejarah Dakwah dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia. Dalam *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, disunting oleh Zulkiple Abd. Ghani,. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU).
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2003. Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh di dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa. Dalam *Kesusasteraan dan Undang-Undang*, disunting oleh Muhammad Mokhtar Hassan,, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2010. Batu Bersurat di Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam. *Jurnal Fiqh*, Vol. 6.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2011. Tradisi Intelektual Melayu-Islam: Daripada Metafora Kepada Saintifikisme. *Jurnal Melayu: The Muslim World Journal* (edisi Khas).
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. Ruzman Md. Noor & Nor Adina Abdul Kadir. 2011. Pemikiran Pendidikan Islam dalam Sejarah Tradisi Alam Melayu: Analisis Kritikal. Dalam *Prosiding International Conference of Islamic Civilization and Malay Identity 2011 (ICICMI2011)*.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2015. Peranan Aceh dan Turki dalam Islamisasi Alam Melayu: Satu Analisis. *Jurnal Al-Risalah* 15(1): 1- 25.
- Saghir Abdullah, H.W.M. 1990. *Fatwa Tentang Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad al-Fatani*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi.
- Saleh Faghizadeh. 2004. *Sosiologi Sosiologi*. Terjemahan oleh Mohd Fauzi Yaacob. Kuala Lumpur: ITNMB: 15-118.
- Shah Rul Anuar Nordin. 2014. Impak Dakwah Kitab Taj al-Salatin kepada Masyarakat Melayu di Aceh. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*: Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. 1999. *Epistemologi Islam; Teori Ilmu Dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuku Iskandar. 1965. *Kesusasteraan Melayu Klasik Sepanjang Abad*. Jakarta: Libra.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1990. Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun. *Jurnal Pendidikan Islam* 3(1): 51-67.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2001. *Pembangunan di Malaysia: ke Arab Suatu Kefabaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Wilkinson, R.J. 1971. A History of the Peninsular Malays, with Chapters on Perak and Selangor. In *Papers On Malay Subjects*, edited by R. J. Wilkinson. Kuala Lumpur: Oxford University Press: 33.
- Wilkinson, R.J. 1975. *A History of the Peninsular Malays, with Chapters on Perak & Selangor*. New York: AMS Press.

Ahmad Farid Abd Jalal,
Director Pahang Museum,
Muzium Abu Bakar,
Pekan, Pahang.
Email: farid.muziumpahang@gmail.com

Rahimin Affandi Abdul Rahim, (PhD)
Prof. Madya,
Departmen of Fiqh dan Usul,
Academy of Islamic Studies
Universiti Malaya
Email: faqir_ilu_rabbih@um.edu.my

Siti Maimunah Hj. Kahal,
Research Assistant,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya
Email: mykahal89@yahoo.com

Muhamad Sayuti Mansor,
Research Assistant,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya
Email: sayuti_mansor@siswa.um.edu.my

Ab Halim Ismail,
PhD Student,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya
Email: machborn8@gmail.com

Huzaimah Ismail, (PhD)
Prof. / Dean ACIS UiTM,
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
Email: huzaimah@uitm.edu.my

Muhammad Ikhlas Rosele, (PhD)
Senior Lecturer,
Departmen of Fiqh dan Usul,
Academy of Islamic Studies
Universiti Malaya
Email: ikhlas@um.edu.my

Ahnaf Wafi Alias,
Muzium Abu Bakar,
Pekan, Pahang.
Email: awhaukm@gmail.com

Received : 16 November 2017
Accepted : 25 March 2018